

7,987 calon SPM catat keputusan cemerlang

kosmo 12-05-2010 M/S 4

Oleh RONI HIDAYAT RIDWAN
berita@kosmo.com.my

PUTRAJAYA - Seramai 465,853 calon Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) bagi tahun 2009 mendapat keputusan peperiksaan masing-masing serentak di seluruh negara semalam.

Ketua Pengarah Pelajaran, Tan Sri Alimuddin Mohd. Dom berkata, daripada jumlah tersebut, 406,420 calon atau 87.2 peratus merupakan calon sekolah Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM).

"Saya berasa gembira untuk memaklumkan bahawa pada keseluruhannya pencapaian calon pada kali ini amat membanggakan dan melebihi pencapaian tahun sebelumnya.

"Ia dapat dilihat terutama dari segi peratusan bilangan calon yang memperoleh sijil, mendapat keputusan cemerlang dan lulus semua mata pelajaran yang diduduki," katanya di sini semalam.

Menurut Alimuddin, keputusan peperiksaan kali ini juga menggunakan sistem pengredan terbaru bertujuan membezakan pencapaian calon yang memperoleh keputusan cemerlang yang tertinggi.

Berbanding 1A bagi gred tertinggi sebelum ini, sistem gred terkini menggunakan A+ iaitu bagi calon-calon yang berada dalam kumpulan skor mata pelajaran 90 peratus dan ke atas.

Beliau berkata Gred Cemerlang Tertinggi diperkenalkan sebagai gred yang lebih tinggi daripada gred 1A bagi memperincikan lagi kecemerlangan seseorang calon.

Sementara itu, seramai 7,987 calon sekolah



GLADYS menunjukkan slip keputusan SPM di rumahnya di Kuching, Sarawak semalam.

KPM telah mendapat keputusan cemerlang berbanding 6,277 calon pada tahun 2008 dengan peningkatan sebanyak 1,710 calon.

Daripada jumlah tersebut, seramai 214 calon mendapat A+ dalam semua mata pelajaran manakala 7,773 calon memperoleh kombinasi gred A+, A dan A- dalam semua mata pelajaran yang diambil.

Sementara itu, Alimuddin turut mengumumkan 10 pelajar terbaik SPM 2009 peringkat kebangsaan yang diketuai oleh Gladys Tan Yee Kim dari Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) Green Road, Kuching, Sarawak.

Ketika ditemui di rumahnya di Kuching,

Yee Kim berkata, dia tidak mempunyai formula khas untuk belajar kecuali rajin mengambil nota ringkas dan sentiasa menyiapkan kerja sekolah bagi setiap mata pelajaran.

Gladys, pelajar Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) Green Road yang meraih 10A+, berkata, kejayaannya adalah hasil sokongan keluarga dan rakan-rakan.

"Tanpa sokongan mereka, tak mungkin saya berjaya sejauh ini," katanya di sini semalam.

LAGI BERITA DAN GAMBAR DI MUKA 15

Info SPM 2009

10 Sekolah Terbaik SPM 2009

1. SM Sains Seremban, Negeri Sembilan
2. Kolej Islam Sultan Alam Shah, Klang, Selangor
3. Sekolah Berasrama Penuh Integrasi (SBPI) Gombak, Kuala Lumpur
4. Sekolah Tun Fatimah, Johor Bahru, Johor
5. SM Sains Alam Shah, Kuala Lumpur
6. SBPI Rawang, Selangor
7. SM Sains Muar, Johor
8. SBPI Temerloh, Pahang
9. SMK Infant Jesus Convent, Johor
10. Kolej Tunku Kurshiah, Negeri Sembilan

10 Pelajar Terbaik SPM 2009

1. **Gladys Tan Yee Kim** - SMK Green Road, Kuching, Sarawak
2. **Grace Kiew Sze-Ern** - SMK (P) Sri Aman, Petaling Jaya, Selangor
3. **Khadijah Ahmad Jais** - SM Agama Persekutuan Labu, Negeri Sembilan
4. **Akmal Hidayat Sabri** - SMK Derma, Kangar, Perlis
5. **Syamillah Mahali** - Kolej Tunku Kurshiah, Seremban, Negeri Sembilan
6. **Amelia Lee Wei Ling** - SMK Taman Melawati, Selangor
7. **Nur Syuhadah Muhamad** - SM Sains Tengku Muhammad Faris Petra, Kota Bharu, Kelantan
8. **Lai Yin Kwin** - SMK Tinggi Melaka, Melaka
9. **Corrinne Gunn Huey Min** - SMK Taman Melawati, Selangor
10. **Hu Mav Khei** - SMK Convent, Taiping, Perak